



NEWSLETTER

Disediakan oleh:

NAN HASNANI LONG PADANG
Ketua Penolong Pengarah, BPAN

KEPERLUAN JADUAL INPUT – OUTPUT (IOT) DALAM MATRIKS PERAKAUNAN SOSIAL (SAM)

Apa itu IOT vs SAM?

IOT

- ❖ Maklumat yang komprehensif tentang arah aliran barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi untuk tahun tertentu.
- ❖ Menggambarkan hubungan antara pengeluar dan pengguna serta kesalingbergantungan antara industri.

SAM

- ❖ Merupakan lanjutan dari IOT yang diperluaskan dari *Supply and Use Tables* (SUT).
- ❖ Mengintegrasikan perangkaan ekonomi dan sosial dalam bentuk matriks.
- ❖ Rangka kerja terperinci yang menunjukkan data komprehensif ekonomi untuk tahun tertentu.

Apa persamaan IOT & SAM?

Disusun dalam bentuk matriks

Memerlukan proses pengimbangan

Kenapa SAM diperlukan?

IOT berupaya menunjukkan struktur pelbagai dimensi analisis ekonomi. Namun demikian, IOT tidak mengambil kira hubungan antara pengeluaran industri, pendapatan dan perbelanjaan isi rumah. Untuk mengatasi kekangan model IOT, Richard Stone (1985) telah membangunkan lanjutan IOT dengan membina rangka kerja SAM. Kelebihan SAM berbanding IOT adalah:

- SAM dapat memberi maklumat tambahan mengenai komposisi pekerjaan.
- Untuk mengukur keberkesanan pelaksanaan dasar yang menjejaskan ekonomi.

Gambaran satu tahun bagi aliran ekonomi

Integrasi statistik sosial dan ekonomi

Input untuk mengubal polisi

Analisis penganda

Analisis pautan antara sektor

Analisis struktur akaun eksogen & endogen

Input bagi *Computable General Equilibrium* (CGE)

Apa kegunaan SAM?



1



Apa sumber data penyusunan SAM?



Aliran pendapatan dan perbelanjaan menggambarkan hubungan antara institusi dalam ekonomi yang terdiri daripada isi rumah, perbadanan kewangan & bukan kewangan, kerajaan serta negara lain di dunia.







Aktiviti pengeluaran domestik dan luar negeri merupakan pemacu kepada nilai pendapatan faktor.

Pada 2015, faktor pengeluaran menerima jumlah pendapatan faktor sebanyak RM1,168.3 bilion berbanding sebanyak RM1,125.3 bilion pada 2014^r. Penyumbang bagi pendapatan faktor adalah pendapatan yang diterima dari pengeluaran domestik, 95.8 peratus (2014^r: 95.3%) dan pendapatan faktor diterima dari luar negeri, 4.2 peratus (2014^r: 4.7%). Pada 2015, jumlah pendapatan isi rumah mencatatkan RM694.1 bilion (2014^r: RM638.8b) dengan pampasan pekerja & keuntungan perniagaan yang tidak diperbadankan

merupakan penyumbang utama 72.2 peratus (2014^r: 72.3%). Sumbangan keuntungan teragih dan

faedah sosial & bayaran berkala masing-masing sebanyak 13.3 peratus (2014^r: 14.5%) dan 9.0 peratus (2014^r: 8.4%). Pada 2015, jumlah pendapatan perbadanan kewangan & bukan kewangan merekodkan RM709.5 bilion berbanding pada 2014^r iaitu sebanyak RM666.4 bilion. Ini didorong oleh sumbangan lebih kendalian, 82.6 peratus (2014^r: 86.2%), diikuti pinjaman korporat, 8.8 peratus (2014^r: 7.3%) dan pindahan semasa, 7.5 peratus (2014^r: 5.3%).







Nota:
 r : data disemak semula
 p: data awalan

Bila IOT vs SAM bermula?

Malaysia



Bagaimana SAM di Negara-negara Lain?



PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.